

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 7 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAHA 2020 LEBIH BESAR, NASIONAL, SH -13 MAHA TO BE HELD NEXT YEAR, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3.	KARNIVAL SELANGOR AGRO MARKET DARI 6-7 APRIL 2019 – HARGA MURAH, BERPATUTANI, NEWS, CARI -8	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4. 5. 6. 7.	PERMINTAAN TINGGI, RACUN PEROSAK HARAM TERUS DISELUDUP MASUK, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -64 TERDAPAT KILANG BEKAL BEHID TIDAK SAH, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -64 PROMOSI 'LUAR BIASA' BENIH PADI HARAM, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -65 BENIH PADI SAH TIDAK JAMIN KUALITI, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -65	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8. 9. 10.	FAMA SASAR ANJUR 400 PROGRAM JUALAN DARI LADANG, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -65 FAMA SASAR JUALAN RM3J, SENTRAL, SH -19 LAHIR USAHAWAN TANI BERKALIBER, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11. 12. 13. 14.	KAUM INDIA, CINA MASIH KURANG SERTA TENTERA, SEMASA, KOSMO -6 GALAK VETERAN TENTERA CEBURI PERTANIAN, KLANG, SH -21 RM50 JUTA BANTU USAHAWAN TANI TINGKAT PENDAPATAN, KLANG, SH -21 ESTABLISH VEGETABLE AND FRUIT COOPERATION EXPLORING MARKET OPPURTUNITY, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# MAHA 2020 lebih besar

**MOA janjikan pameran tahun depan lebih menarik dan berjaya**

EZYAN LIYANA  
MOHD DARIF

## SERDANG

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjanjikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan 2020 (MAHA 2020) lebih baik dan besar berbanding tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Sallehuddin Ayub berkata, pameran yang dianjurkan dua tahun sekali itu akan lebih mengagumkan bagi

FOTO: ZAHID IZZANI



Salahuddin (seman dari kiri) hadir pada Majlis Malam Apresiasi MAHA 2018 di MAEPS Serdang kelmarin.

menarik minat orang ramai berkunjung ke tapak MAHA 2020 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini.

"Justeru, dua tahun akan datang kita bakal menjayakan MAHA yang lebih baik, lebih besar dan mengagumkan.

"Saya yakin kita mampu bergerak ke hadapan bersama-sama dalam majukan MOA (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani) dan memberi hadiah kepada rakyat serata negara," katanya pada Majlis Malam Apresiasi MAHA 2018 di MAEPS

Serdang kelmarin.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian itu, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.

Pada majlis itu, Sallehuddin turut melancarkan logo MAHA 2020 dan menyampaikan sijil penghargaan kepada agensi yang

**Saya yakin kita mampu bergerak bersama dalam majukan MOA"**  
- Sallehuddin Ayub

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

"Saya berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan MAHA 2018. Saya yakin kita akan lebih maju, sekali gus membuktikan Kementerian ini adalah penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara," katanya.

Selain cabutan bertuah, tetamu turut dihiburkan dengan persembahan daripada penyanyi Datuk Ramli Sarip dan Datuk Khatijah Ibrahim.

terlibat dalam menjayakan MAHA 2018, antaranya Jabatan Pertanian (DOA), Perikanan Malaysia, Jabatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI),

Headline	MAHA to be held next year		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	07 Apr 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	207 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,604
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,811



## 明年盛办农业旅游展

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁承诺，政府将在明年举行空前盛大及更好的马来西亚农业、园艺及农业旅游展 (MAHA)，让这项两年一度的盛会充满欢乐气氛。

沙拉胡丁本周五晚出席 2018 年 MAHA 感激晚宴上说，在各造共同努力下，他有信心农业部将成为贡献国家经济的重要部门。

图为沙拉胡丁 (右) 在农业部秘书长沙列胡丁陪同下，为 2020 年 MAHA 标志主持推介礼。

Headline	Karnival Selangor Agro Market Dari 6-7 April 2019 - Harga Murah, Berpatutan!		
MediaTitle	CARI (berita.cari.com.my)		
Date	07 Apr 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	8	Readership	3
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 750
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,250

## Karnival Selangor Agro Market Dari 6-7 April 2019 - Harga Murah, Berpatutan!

Susulan sambutan luar biasa tahun lalu, Program Selangor Agro Market (SAM) diperluaskan lagi ke beberapa buah lokasi strategik di negeri Selangor, antaranya di MARDI, Jalan Kebun, Klang. Program itu menawarkan beberapa aktiviti touchpoint antaranya Progr...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

# Kontraktor bumiputera Putrajaya mohon pembelaan



Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 6 APRIL

**K**IRA-KIRA 500 kontraktor bumiputera terpaksa gulung tikar ekoran keputusan kerajaan menamatkan kontrak kerja-kerja penyelenggaraan kuarters penjawat awam di sini bermula Jun ini.

Malah keputusan itu juga bakal menyebabkan lebih 5,000 pekerja yang kebanyakannya terdiri daripada warga tempatan hilang pekerjaan dan sekali gus memberi kesan kepada punca pendapatan keluarga masing-masing.

Timbalan Pengerusi Gabungan Bersatu Kontraktor G1 Putrajaya, Mohd. Najib Mohd. Ghazali berkata, kontraktor terbabit selama ini hanya bergantung penuh kepada kerja-kerja penyelenggaraan kuarters kerajaan sejak 2004.

"Jika kami tidak dapat lagi tender ini, macam mana hendak bayar gaji pekerja dan kos-kos lain seperti pinjaman bank dan kenderaan."

"Selangkan ketika ini kami banya peroleh keuntungan bersih



KIRA-KIRA 500 kontraktor bumiputera terpaksa gulung tikar ekoran keputusan kerajaan menamatkan kontrak kerja-kerja penyelenggaraan kuarters penjawat awam di Putrajaya bermula Jun ini.

RM3,000 untuk satu-satu tender, bayangkan jika tidak lagi langsung terima projek, sudah tentu kami perlu tutup pertiagaan," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Sehubungan itu, Mohd. Najib berkata, kontraktor G1 atau sebelum ini dikenali Kelas F membantah keputusan kerajaan untuk melantik tiga syarikat kontraktor G7 (Kelas A) bagi menguruskan penyelenggaraan kuarters pen-

jawat awam ini di sini.

Katanya, adalah tidak logik sekiranya hanya tiga syarikat diberikan kerja itu sedangkan terdapat lebih 22,000 buah kuarters penjawat awam di sini.

"Sekiranya tidak mampu menguruskan lagi kerja penyelenggaraan, kami percaya syarikat besar itu kemudian akan 'sub kontraktor' kepada kontraktor kecil seperti kami. "Walaupun ia dilihat kami di-

beri peluang, tetapi hakikatnya jumlah bayaran bakal mengecil kerana syarikat besar akan mengaut keuntungan terlebih dahulu," katanya.

Gabungan Bersatu Kontraktor G1 Putrajaya baru-baru ini telah menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad agar kerajaan menyelamatkan nasib menimpa mereka ekoran keputusan itu.

## Terdapat kilang bekul benih tidak sah?

**ARAU 6 April** - Perbuatan segelintir kilang yang didakwa membekalkan benih tidak sah menjadi antara faktor mengapa golongan para petani begitu mudah mendapatkan bekalan tersebut.

Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban yang mendedahkan perkara itu memberitahu, senario tersebut dipercayai telah mengakibatkan punca isu berkenaan sukar diatasi.

Kata beliau, para petani juga turut terpengaruh dengan dakwaan bahawa benih tidak sah adalah lebih berkualiti serta mengeluarkan hasil yang lebih tinggi.

"Tambah pula para petani tidak dikenakan banyak syarat berbanding benih sah yang perlu melalui banyak prosedur. Ini termasuk mesti membeli racun yang disekalikan dengan pembelian benih tersebut."

Selain itu, pengenalan banyak varieti baharu yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tertentu telah menjadi tarikan mengapa petani membeli benih tidak sah," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

*Utusan Malaysia* baru-baru ini melaporkan negara bakal mengalami kemerosotan bekalan beras tempatan berikutan ramai penanam padi di seluruh negara dikesan semakin cenderung menggunakan benih tidak sah yang tidak terjamin hasil pengeluarannya.

Lebih membimbangkan, penggunaan benih 'haram' yang tidak menepati piawaian di bawah standard Jabatan Pertanian itu amat berisiko krususunya dalam aspek pengawalan penyakit termasuk menjejaskan tanaman padi pengusahanya lain.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali dilaporkan berkata, masalah tersebut berpunca daripada tahap kesedaran dalam kalangan petani padi tempatan amat rendah berhubung kepentingan penanaman menggunakan benih sah.

Mohd. Shazwan seterusnya berkata, bagi membendung perkara itu, kilang-kilang tersebut perlu dipantau selain pihak berkaitan perlu sering memperkenalkan varieti-varieti baharu untuk para petani.

## Permintaan tinggi, racun perosak haram terus diseludup masuk

**ARAU 6 April** - Permintaan yang tinggi daripada para petani terhadap racun perosak tidak berdaftar atau berstatus haram dari China menyebabkan barangan tersebut terus diseludup masuk ke negara ini.

Antara racun perosak yang menjadi tumpuan dan sering digunakan oleh para petani ialah jenis Heben Pesticide iaitu untuk mencegah siput gondang di kawasan sawah.

Racun tersebut dipercayai dari China berdasarkan tulisan bahasa Mandarin pada setiap paket atau botol yang dijual.

Meskipun dikatakan memberi kesan khususnya dalam mencegah siput gondang selain harganya lebih murah, namun penggunaannya menyebabkan mudarat terhadap pengguna termasuk terdapat satu kes kematian pada 2011 di Tanjung Karang, Selangor.

Pegawai Pertanian Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Nazli Mat Aris berkata, kebanyakan racun perosak tidak berdaftar



**NAZLI MAT ARIS** menunjukkan racun perosak tidak berdaftar yang diseludup masuk dari China di Chemping, Arau, Perlis, semalam. - MINGGUAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

ini di bawa masuk dari China untuk kegunaan pesawah khususnya di sekitar Utara dan Selangor.

Katanya, meskipun pelbagai langkah pencegahan diambil bagi mengekang kemasukan racun

perosak tersebut namun sindiket terus mencari jalan menyeludup masuk ke negara ini disebabkan permintaan yang tinggi.

"Selain memberi kesan kepada kulit, terdapat kes kematian

berlaku disebabkan penggunaan racun jenis ini. Kita tidak tahu apa kandungan serta kesan kerana semuanya ditulis dalam bahasa Cina," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Tambah beliau, terbaharu pihak berkuasa berjaya merampas sebanyak 102 buah kotak yang mengandungi 12,240 bungkus racun perosak haram dari China itu dalam serbuan di Kampung Tok Mengkula, Sanglang, Ayer Hitam, Kedah, Khamis lalu.

Katanya, hal itu menunjukkan sindiket ini terus berani menyeludup barangan tersebut dan beliau percaya mereka akan menggunakan apa cara sekali pun untuk membawa masuk racun berkenaan selagi mendapat permintaan.

"Racun tersebut dijual dengan harga RM5 sepeket dengan penggunaannya antara tiga sehingga empat peket untuk satu-satu masa iaitu lebih murah daripada racun berdaftar iaitu RM50 ke RM60 untuk keluasan sama," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	19

## FAMA sasar jualan RM3j

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan sebanyak RM3 juta menerusi program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) pada tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Ishak berkata, sasaran terbabit membabitkan 400 program itu yang akan diadakan di seluruh negara.

Menurutnya, pelaksanaan JTDL akan dimanfaatkan kepada peserta yang membuat jualan secara terus kepada pengguna sekaligus meningkatkan pendapatan mereka.

"Setakat ini, kita sudah mengadakan lebih 100 program jualan ini atau 20 peratus dari sasaran yang ditetapkan.

"Jadi pada tahun ini kita sasarkan 8,000 usahawan tani yang terlibat dalam program ini," katanya selepas merasmikan Jelajah Promosi Jualan Terus Dari Ladang peringkat negeri di sebuah pusat beli-belah, semalam.

Headline	Lahir usahawan tani berkaliber		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	07 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	20,000
Page No	22	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	374 cm <sup>2</sup>
Journalist	MASTURAH SURADI	AdValue	RM 3,790
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,371



# Lahir usahawan tani berkaliber

**Kerjasama MOA, KPM diterjemah melalui penubuhan MyAgrosis**

MASTURAH SURADI

MERSING

Usaha melahirkan agropreneur muda yang berdaya saing dan berkaliber dalam kalangan siswazah diterjemah melalui kerjasama antara Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) dengan Kementerian Pendidikan (KPM) melalui penubuhan kelab MyAgrosis di Politeknik Mersing.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Da-

tuk Ahmad Ishak berkata, program MyAgrosis dilaksanakan di 112 institusi pengajian dengan keahlian terkini 45,650 ahli.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 22,771 ahli kelab MyAgrosis di bawah seliaan FAMA serta 7,881 ahli kelab MyAgrosis dari politeknik.

"Kelab MyAgrosis dapat sambutan baik dengan penglibatan 2,020 ahli di lima institusi pengajian sehingga Mac 2019," katanya ketika merasmikan Karnival Mersing Best Buy Mersing 2019 dan melancarkan Kelab MyAgrosis di Politeknik Mersing, di sini.

Hadir sama, Pengarah Politeknik Mersing, Hassan Siraj, Timbalan Pengarah

(Operasi) Memangku Kerja Pengarah FAMA Johor, Shahrizan Sudirman.

Pada majlis sama turut diadakan penyerahan cer-



Ahmed (empat, kanan) ketika hadir merasmikan karnival Mersing Best Buy Mersing 2019 dan melancarkan kelab MyAgrosis di Politeknik Mersing.

tificate of collaboration (COC) di antara Politeknik Mersing dan FAMA serta penyerahan bantuan projek Penternakan Lebah Madu (PolyBee) dan projek PolyCafe MyKopie berserta kanopi kelab MyAgrosis kepada Politeknik Mer-

sing.

Sementara itu, Pengarah program, Azielina Mohd berkata, karnival Mersing Best Buy 2019 platform untuk pembangunan keusahawanan pelajar politeknik bersama komuniti.

"Pelajar berpeluang menimba pengalaman berniaga bersama komuniti dengan pihak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan FAMA.

"Selain itu, program juga merupakan lonjakan untuk membina minat ke-

**MyAgrosis**

- Dilaksana di 112 institusi
- Jumlah ahli seramai 45,650 orang
- Daripada jumlah itu, 22,771 ahli bawah seliaan FAMA, 7,881 ahli dari politeknik

usahawanan dalam diri pelajar dengan sokongan dan bantuan dari FAMA seperti Kategori Agro Ladang MyAgrosis Polybee dan Agro Niaga mykopie.

Sementara itu Hassan berkata, Politeknik Mersing banyak terlibat aktiviti keusahawanan melibatkan pelajar dan juga pensyarah.

"Mereka mendukung usaha melahirkan graduan berdaya saing dalam bidang keusahawanan serta bidang teknikal lain," katanya.

## Promosi 'luar biasa' benih padi haram

OLEH YATIMIN ABDULLAH  
pengarang@utusan.com.my

■ PASIR MAS 6 APRIL

**P**PROMOSI agresif dan 'luar biasa' pihak yang menjual benih padi haram membuatkan sebilangan pesawah di negeri ini terpesona sekali gus memilih untuk menggunakannya.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Chetok, Datuk Aimi Jusoh berkata, mereka menguar-urakan kepada petani bahawa kualiti benih padi haram adalah setanding dengan benih padi sah.

Katanya, ditambah dengan harga jualan yang lebih murah, perkara itu sudah pasti membuatkan para petani tertarik dan terpengaruh.

"Satu lagi faktor ialah bekalan benih padi sah dilaporkan sering terputus akibat jadual penanaman dan pengeluaran benih para petani yang tidak seiring. Apabila tiada bekalan, mereka tidak mempunyai pilihan selain mendapatkan benih padi haram.

"Semua yang saya sebut ini berpandukan kepada maklumat yang kami kumpulkan sendiri," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

*Utusan Malaysia* hari ini melaporkan penggunaan benih tidak sah yang berisiko membawa penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB) bakal menjadi pemangkin kepada penyebaran penyakit tersebut ke tapak-tapak sawah seluruh negara.



AIMI JOSOH

Mengulas lanjut, Aimi berkata, kurangnya aktiviti pemantauan oleh pihak berkenaan turut menjadi penyumbang kepada perkara tersebut.

"Saya berpandangan pihak berkuasa tidak boleh lepas tangan sebaliknya perlu mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat dengan melakukan operasi bersepadu bagi membanteras perkara ini.

"Pendidikan kepada petani juga perlu diberikan supaya mereka memahami kesan penggunaan benih yang tidak sah ini kepada tanaman diusahakan itu," ujarnya.



## Benih padi sah tidak jamin kualiti

**ALOR SETAR 6 April** - Penerima Anugerah Pesawah Cemerlang 2019 di Selangor baru-baru ini mengakui bahawa bukan semua benih padi sah yang dibeli daripada pengilang yang diiktiraf Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, adalah benar-benar berkualiti.

Sehubungan itu Norzan Abdullah, 39, yang berpengalaman sebagai pesawah lebih 20 tahun, berkata, ada petani yang memilih menggunakan benih padi tidak diiktiraf iaitu sama ada dikeluarkan oleh golongan tersebut sendiri atau yang diseludup daripada luar negara.

Malah beliau sendiri mengakui pada musim penanaman akan datang ini tidak membeli benih daripada pengilang sebaliknya menggunakan benih padi dihasilkannya sendiri yang diyakini lebih baik dan bermutu.

"Pesawah mengharapkan apabila mereka mengeluarkan wang untuk membeli benih padi

sah, ia bermutu tetapi sebaliknya berlaku. Ada (benih) yang mempunyai tahap hasil pengeluaran rendah, banyak padi angin dan berpenyakit.

"Maka sebab itu, ada yang menghasilkan benih padi sendiri seperti mana saya lakukan pada musim akan datang kerana mendapat pengeluaran yang baik pada musim baru-baru ini. Ini tidak salah, asalkan kita tidak menjualnya," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Kelmarin, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali dilaporkan berkata, negara bakal mengalami kemerosotan bekalan beras tempatan berikutan ramai penanam padi di seluruh negara dikesan semakin cenderung menggunakan benih tidak sah yang tidak terjamin hasil pengeluarannya.

Kata beliau, masalah tersebut berpunca daripada tahap kesedaran dalam kalangan pesawah tempatan amat rendah berhu-

bung kepentingan penanaman menggunakan benih sah.

Menurut Norzan, berdasarkan pengalamannya, beliau berpendapat bahawa bagi menghasilkan benih padi yang bermutu tinggi, ia perlu dilakukan bermula daripada pengambilan benih itu lagi.

"Ini bermakna pokok induk mestilah bebas penyakit pada musim itu dan tiada padi angin. Seterusnya cara pengangkutan benih ke kilang menggunakan kenderaan, mestilah dipastikan bebas terkena air hujan, sebagai contoh dari Selangor ke Kedah.

"Selepas itu, cara pembersihan dan pengewapan benih tersebut di peringkat kilang. Yang saya tahu, Jabatan Pertanian tidak memantau semua proses ini menyebabkan kualiti benih dikeluarkan di kilang tidak dijamin," jelasnya.

Tambah beliau, ada juga kes manipulasi harga benih padi sah di negeri ini pada 2017 apabila benih tersebut dijual melebihi RM45 per beg iaitu seberat 20 kilogram berbanding RM33 per beg seperti mana kebiasaannya.



NORZAN ABDULLAH

## Singapura tarik prosedur ILS, Malaysia tangguh RA

**PUTRAJAYA 6 April** - Singapura akan menarik balik prosedur Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) untuk Lapangan Terbang Seletar manakala Malaysia akan menangguhkan Kawasan Larangan (RA) kekal di Pasir Gudang.

Kedua-dua perkara itu dipersetujui Malaysia-Singapura dalam semangat kerjasama dua hala.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke

dan rakan sejawatnya dari Singapura, Khaw Boon Wan dalam satu kenyataan bersama di sini hari ini berkata, persetujuan itu telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa penerbangan kedua-dua negara semalam pada pukul 11.59 malam.

"Dengan perjanjian ini, kedua-dua menteri pengangkutan mengalu-alukan penerbangan FlyFirefly Sdn. Bhd. ke Lapangan Terbang Seletar berkuat kuasa bulan ini," ka-

tanya. Kenyataan bersama itu menjelaskan, kedua-dua menteri turut menyatakannya bahawa jawatkuasa peringkat tinggi telah ditubuhkan untuk mengkaji semula surat perjanjian operasi antara Kuala Lumpur dan Pusat Kawalan Kawasan Singapura Mengenai Ketibaan Singapura, Pemberhentian dan Penerbangan 1974.

"Kedua-dua Menteri Pengangkutan mengalu-alukan langkah-langkah positif ini dan berharap dapat terus memperkuat kerjasama dua hala," katanya.

Media sebelum ini melaporkan bahawa pelaksanaan ILS di Lapangan Terbang Seletar, Singapura melibatkan pendaratan pesawat di lapangan terbang itu menggunakan ruang udara Malaysia di Pasir Gudang, Johor, yang dibantah oleh Malaysia.



ANTHONY LOKE

## FAMA sasar anjur 400 program jualan dari ladang

**KUANTAN 6 April** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasaskan nilai jualan sebanyak RM3 juta menerusi program Jualan Terus Dari Ladang pada tahun ini.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak berkata, sasaran itu melibatkan 400 program berkenaan di pelbagai lokasi di seluruh negara.

Beliau berkata, pelaksanaan program itu memanfaatkan peserta yang dapat membuat jualan terus kepada pengguna seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.

"Setakat ini, kita sudah mengadakan lebih 100 program jualan ini atau 20 peratus

daripada sasaran yang ditetapkan," katanya selepas merasmikan Jelajah Promosi Jualan Terus Dari Ladang peringkat negeri di sebuah pusat beli-belah, di sini hari ini.

Menurut Ahmad, selain memberi manfaat kepada usahawan tani, program Jualan Terus Dari Ladang membolehkan pengguna membeli sayur-sayuran dan buah-buahan terus dari ladang yang segar dan berkualiti.

Katanya, program itu juga menawarkan jualan pada harga istimewa antara lima peratus hingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran semasa.



AHMAD ISHAK (tengah) mengumumkan jualan happy hour produk segar pertanian dalam program Jelajah Promosi Jualan Terus Dari Ladang peringkat negeri di Kuantan, Pahang, semalam. - MINGGUAN/MOHD. SHARIZA ABDULLAH



# Kaum India, Cina masih kurang sertai tentera

**KLANG** - Penyertaan kaum India dan Cina di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) masih belum menggalakkan ekoran skim gaji yang rendah.

Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu berkata, skim gaji ATM perlu dikaji semula terutamanya bagi anggota berpangkat rendah untuk menarik golongan bukan bumiputera menyertainya.

"Malaysia tidak mempunyai kerahan tenaga seperti negara lain dan khidmat dalam pasukan ke-

selamatan ini adalah khidmat pilihan. Tetapi saya lihat penglibatan masyarakat India agak tinggi berbanding masyarakat Cina.

"Mungkin masalah tangga gaji kecil menyebabkan mereka (Cina dan India) kurang minat menyertai tentera," katanya ketika ditemui pada Karnival Selangor Agro Market, Pameran Kerjaya dan Promosi ATM di Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) Jalan Kebun di sini semalam.

Sementara itu, Mohamad turut menyeru pesara tentera di bawah kumpulan isi rumah berpendapatan rendah melibatkan diri dalam sektor pertanian sebagai usaha menampung kos sara hidup.

Menurutnya, sektor pertanian berpotensi untuk menjadi sumber pendapatan yang lumayan sekiranya dilaksanakan secara terancang dan komprehensif.

"Bidang pertanian yang diusahakan secara komersial mampu menjana pendapatan lumayan," ujarnya.



**MOHAMAD** (dua dari kanan) sempat melong bush naras pada program Karnival Selangor Agro Market 2019 di MARDI Klang semalam.

7/4/2019

SINAR  
HARIAN

KLANG

21

### Enam bulan lampu tak berfungsi

**PELABUHAN KLANG** – Pengguna Jalan Selat Selatan, di Taman Perindustrian Suria Pendar, di sini bimbang keselamatan mereka selepas lampu jalan tidak berfungsi sejak lebih enam bulan lalu.

Mereka mendakwa keadaan jalan sejauh kira-kira 500 meter itu gelap dan membahayakan terutama kepada penunggang motosikal.


Pekerja kilang, A Othman Alias, 45, berkata, dia menggunakan jalan tersebut sebagai laluan pintas ke Pandamaran untuk berulang-alik ke tempat kerja.

"Jalan ini gelap sebab dah lama lampu jalan tak berfungsi. Lagi-pun jalan di kawasan ini ada yang rosak dan berlobang."

"Kalau hujan lagi bahaya sebab air bertakung, sekali gus dan boleh menyebabkan kemalangan," katanya.

Menurutnya, pengguna juga gusar kerana dikhuatiri akan menjadi lokasi penjenayah melakukan kegiatan, jenayah ragut dan samun.

"Harap pihak berkaitan segera balik lampu di sini supaya tak timbul insiden buruk kepada pengguna serta penduduk sekitar," katanya.



Lampu di Jalan Selat Selatan, Taman Perindustrian Suria Pendar yang tidak berfungsi membahayakan pengguna.

# Galak veteran tentera ceburi pertanian

**Ahli Parlimen sokong latihan kepada golongan itu untuk jana pendapatan**

AZIE YAHAYA

KLANG

**V**eteran tentera digalakkan menceburi bidang pertanian kerana sektor berkenaan mampu memberi pulangan lumayan.

Menteri Pertanian, Mohamad Sabu berkata, usaha Kerajaan Selangor menyediakan latihan dan bimbingan kepada golongan terabit adalah wajar.

"Kebanyakan tentera bersara awal dan ada juga yang tidak berpencen, malah termasuk dalam golongan B40. Jadi mereka perlukan pekerjaan tambahan bagi menampung pendapatan keluarga."

"Kita menggalakkan mereka menceburi pertanian moden kerana di



Mohamad (dua, kanan) dan Izham (kanan) melawat gerai buah-buahan selepas merasmikan Karnival SAM @ My Best Buy Parlimen Kota Raja, di Stesen Mardi Jalan Kebun, semalam.

negara maju bidang ini boleh beri pulangan lumayan. Cuma di negara kita saja orang anggap sektor ini tahap bawah.

"Kita sokong sepenuhnya usaha kerajaan negeri membimbing serta melatih kepada bekas tentera untuk bantu jana pendapatan mereka," katanya pada sidang media selepas merasmikan Karnival SAM @ My Best Buy Parlimen Kota Raja, di Stesen Mardi Jalan Kebun, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi

Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian Dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim; ADUN Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni; ADUN Sentosa, G Gunaraj; ADUN Kota Kemuning, V Ganabathirau dan Pengarah Fama Selangor, Datuk Abdul Ghariff Ramin.

Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kota Raja berkata, kerajaan melalui Kementerian Kewangan

sudah menunaikan, semua peruntukan kepada veteran dan bekas tentera membabitkan sejumlah RM79 juta.

Katanya, terkini Bantuan Harapan Negara sempena sambutan Aidilfitri tahun ini akan diberi kepada veteran berpencen dan tidak berpencen dengan syarat mereka berpendapatan RM3,000 ke bawah.

"Seramai lebih 160,000 golongan terabit bakal mendapat manfaat Bantuan Harapan Negara tahun ini," katanya.

## RM50 juta bantu usahawan tani tingkat pendapatan

**KLANG** – Kerajaan Selangor menggalakkan pembabitkan semua pihak dalam pertanian moden yang berhasil tinggi di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim berkata, ketika ini kebanyakan usahawan tani terdiri daripada mereka yang lebih berusia.

Justeru, kata beliau kerajaan negeri menggalakkan kelompok baharu dalam kalangan anak muda untuk terabit secara aktif

dalam bidang pertanian moden yang sangat lumayan.

"Ini termasuk mempertimbangkan pesara tentera dan polis untuk menceburi bidang pertanian, perikanan dan penternakan."

"Mereka akan diberi latihan dan ruang untuk terlibat dalam sektor ini dengan menggunakan teknologi moden. Isu besar sekarang membabitkan tanah dengan teknologi yang sesuai di tempat yang berbeza," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian Karnival SAM @ My Best Buy Parlimen Kota Raja, di Stesen Mardi Jalan Kebun, di sini semalam.

Menurut beliau, kerajaan memperuntukkan



Izham (dua, kanan) mengiringi Mohamad (empat, kanan) melawat gerai buah-buahan selepas majlis perasmian Karnival SAM @ My Best Buy Parlimen Kota Raja, di Stesen Mardi Jalan Kebun, semalam.

sebanyak RM50 juta untuk membantu usahawan tani yang disalurkan melalui 10

agensi di bawah stanco pertanian.

"Ini termasuklah Per-

badanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Jabatan Pertanian, Jabatan

Perkhidmatan Veterinar dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

"Pelbagai inisiatif lain juga disediakan bagi membantu usahawan tani di seluruh Selangor," katanya.

Dalam perkembangan lain, Izham berkata, pihaknya menyasarkan lebih 130 lokasi di Selangor bagi penganjuran karnival berkenaan.

"Karnival dua hari ini bagi menyediakan peluang perniagaan kepada usahawan tani supaya dapat meningkatkan pendapatan mereka."

"Pengunjung berpeluang menikmati jualan terus dari kilang dan ladang dengan harga 30 peratus lebih murah daripada harga luar selain berkualiti," katanya.

Headline	Establish vegetable and fruit cooperation exploring market opportunity		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	07 Apr 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A4	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	2200 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 27,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,019



## 商农对接 产地直销

# 设蔬果合作社拓市场

一串荔枝，青春有限，上架始终不及一曝荔枝耐久。加工是王道。更何况在增值和价格上、运输外销上，加工业也能使果农的血汗结晶，更具种种优势。周星驰的电影“食神”里的“爆浆牛肉丸”加工成罐头，也是一个很好的启发，再说你不能提着一颗火龙果去银行贷款，但你若能提着一罐厂产的火龙果去，后果可能不同。

加工涉及成本，若把生产以外的余务委托他人，这又等于餐桌上加一双可能很大的筷子给“中间人”。再说，人们若有选择，宁选绝对新鲜的蔬果。那么，生鲜或加工，是否可兼得？想把务农以外的余务交他人负责的农夫是否有选择呢？成立合作社又如何呢？这期不妨听听来自台湾和马来西亚两位校友会联合会总会会长兼陈绍厚的析述和看法。



陈绍厚（右）与参访团到访青松果菜生产合作社参访时，会谈到水果可做到切好新鲜出炉的保鲜做法。

## 陈绍厚吁马果农仿效 契约合作进军加工业

陈绍厚吁马果农，或可考虑采用台湾合作契约模式，与国内在地农民厘清契约合作，她可提供资金与投资与技术支持，经营连年加工业务。

### 邀西马果农访沙巴

陈绍厚吁马果农，或可考虑采用台湾合作契约模式，与国内在地农民厘清契约合作，她可提供资金与投资与技术支持，经营连年加工业务。

### 农产品最终目标还是销

农产品最终目标还是销... 在台湾政府管理模式下，农民的思维是种植、管理、销售等系列活动。

倘若农民可以产销一体化，由他人代办，会否能比农大有何利便人等农友呢？

又或者说，未来的农业生产模式是通过有组织的运营，落实计划生产、稳定货源、系统地进行分选、包装、加工，以符合客户要求。同时，也借此过程中各环节，达到产地直送全国各地消费者手中，让蔬果获得更新鲜可口。

在直送市场趋势下，台湾设立蔬果生产合作社拓展“产地直送业务”，与农民直接交易，让农民获得有固定收入之余，也让市场可以直得新鲜蔬果的供应。

以农教型生产合作社管理模式，根据合作模式，农民提供生产基地和劳力，以光明生产产线，依照双方约定的品质、价格、产量、收购，农民可省去到批发市场的时间，并节省人力，并节省大量的时间和精力扩大生产面积及增加农民受益。



青松果菜生产合作社的营运模式，让参访者获益良多。

### 种植采收纪录电脑化

为了有效管理人力和资源，以光全面采用电脑资讯化，从种植采收纪录都有专人负责协助农民登入相关资讯，比如农民病情、种植阶段指导、种植时间、日期、收成期、管理、施肥及除虫等。

### 追溯来源，确保流入市场的蔬果都得到安全的保障

台湾因治安面临自然和人为威胁，为反制生态环境，公司研发阿家里母种植方式，结果发现有关方式还有助于避免虫害威胁，让蔬果可在更良好的环境中生长，并保障其产量和质量。

### 台湾农业发展注重填补下游工业发展及创造本身品牌，以吸引市场商机

台湾农业发展注重填补下游工业发展及创造本身品牌，以吸引市场商机。



台湾目前不仅重视蔬果产销市场，也进行切割加工处理，协助餐馆及食堂减少人力成本。



尽管台湾水果多来自热带国家引种，不过，即通过培育，发展成为当地独有的品牌。



参访者向农委会负责人了解种植与培育水果的方法。

## 助农民增收入 高效管理是王道

廖士明说，目前公司团队拥有22项生产作业，以进行清洗、分选、冷藏、包装及运输等工作。我对公司于1989年成立至今，目的是希望作为蔬果生产基地及集散中心，也帮助当地农民获得稳定总收入来源。为此，公司特别设立多个部门进行管理。

### 设蔬果生产合作社部门

- 总策划** 负责生产履历工作 总策划及执行方针；
- 总执行** 监督各部门作业并追踪执行情况，协调各部门的管理作业；
- 生产部** 遵循生产履历相关规定，进行育苗、种植、栽培等各项管理；
- 检验部** 购买检验蔬果农药残留，确保产品的安全性；
- 厂务部** 负责进货验收、预冷、分选、包装、加工、出货之标准作业管理；
- 业务部** 负责包装规格、报价、处理订单、稽核、客诉；
- 产销部** 通路开发、产品包装设计、宣传海报、促销广告及网站推广及资讯部产理整合各部门资料，将记录呈交政府农产履历资讯平台。

## 东马农业技术落后 需投资者辅助监管

东马农业技术落后，因此，他们或需投资者的辅助。若双方能够达成共识，所得的农作物收成将由投资者回收，借此也可保障农民取得稳定收入。

陈绍厚表示，我国农业部每年都有拨款给土著农民，但在缺乏技术与监管下，农民一般收成甚低，甚至难以销售不佳问题。

“如果我们可利用以光果菜生产合作社的经营模式，让务农者专心种植，而农民投资者有效的监管，给予种子、农具及技术等，能给予农民技术能力和资金之余，投资者也能得到合理的收成。”

“如果投资者能有效监管和督促下，不但可帮助农民生产农产品的产量和质量，同时，更有助其改善现有不足问题。”

## 学习台湾水产养殖

学习台湾水产养殖